



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

TEKS UCAPAN

**YANG BERUSAHA TS. ROSEMAN BIN MAT JIDIN
TPA POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH**

SEMPENA

**MAJLIS PENUTUPAN
BENGKEL PERPUSTAKAAN DIGITAL
POLITEKNIK MALAYSIA**

**BILIK MESYUARAT ULPL
POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
28 JULAI 2022 (KHAMIS)
11.30 tengahari**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

Yang Berusaha Dr. Ainul Haezah binti Noruzman
Penyelaras Pusat Sumber dan Penerbitan PSA
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Seterusnya semua Pustakawan, yang saya hormati sekalian.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Dan Salam Sejahtera.

PEMBUKA BICARA

1. Alhamdulillah.... bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana sama-sama berkumpul menghadiri **Majlis Penutupan Bengkel Perpustakaan Digital Politeknik Malaysia** yang bermula semalam.
2. Jutaan terima kasih diucapkan kepada urusetia bengkel iaitu Pusat Sumber dan Penerbitan PSA atas komitmen dalam memastikan kelancaran bengkel selama dua hari ini.

3. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada tuan puan kerana hadir dalam bengkel anjuran PSA ini dan saya dimaklumkan seramai 25 pustakawan bengkel datang dari seluruh Politeknik.
4. Bengkel ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan pustakawan bagi memperkasa perkhidmatan perpustakaan digital di seluruh Perpustakaan Politeknik.
5. Dalam era 4.0, peranan pustakawan semakin mencabar kerana perubahan teknologi dan trend keperluan maklumat pelanggan. Justeru pustakawan perlu menawarkan perkhidmatan yang seiring dengan era digital masa kini.
6. Pustakawan perlu proaktif dan sentiasa peka dengan kemahiran teknologi terkini. Justeru itu saya berharap bengkel ini dapat membantu tuan puan dalam mempertingkatkan perpustakaan digital kelak.

SENARIO PERPUSTAKAAN POLITEKNIK SEKARANG

Hadirin yang saya hormati sekalian,

7. Seperti kita sedia maklum, semua perpustakaan Politeknik dan Kolej Komuniti tidak menggunakan sistem pengurusan perpustakaan yang seragam. Keadaan ini menyebabkan pengurusan sumber rujukan di peringkat Politeknik dan Kolej Komuniti bermasalah seperti
 - i. peningkatan kos,
 - ii. tiada integrasi sistem maklumat dan
 - iii. kesukaran untuk mengakses maklumat secara digital.

8. Langkah yang diambil oleh JPPKK ini tepat pada masanya supaya perpustakaan Politeknik seiring dengan perpustakaan akademik yang lain. Melalui pelaksanaan projek pembangunan perpustakaan berpusat secara sepenuhnya. Impak yang dijangka adalah:
 - i. Peminjaman buku dapat dilaksanakan secara bersepadu disemua perpustakaan Politeknik dan Kolej Komuniti.

- ii. Peruntukan OS35 secara minima bagi pembelian buku
- iii. Sokongan teknikal sepenuhnya dari JPPKK memudahkan pengurusan teknikal di peringkat Politeknik dan Kolej Komuniti masing-masing.
- iv. Tiada pembaharuan lesen bagi peringkat Politeknik dan Kolej Komuniti.

9. Secara keseluruhannya impak daripada projek ini akan memantapkan lagi pengurusan sumber maklumat melalui teknologi digital di semua Politeknik dan Kolej Komuniti.

10. Maka dengan ini saya sudahi dengan Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.